

13/10/2003

Selain rotan guru juga mesti ada kemahiran interpersonal

Bakal Guru KPLI

DALAM ruangan ini pada 7 Oktober lalu, seorang pembaca yang mengenalkan dirinya sebagai Cikgu Akmal Ariffin dari Kerdau, Pahang, menyatakan tidak bersetuju hukuman rotan dijalankan di sekolah.

Walaupun saya bukan seorang guru, tetapi saya dibesarkan dalam keluarga pendidik. Ayah saya seorang pesara guru, isteri, kakak dan ramai lagi saudara mara saya turut menceburi bidang perguruan. Oleh itu, boleh dikatakan saya sedikit sebanyak terdedah dalam alam perguruan ini.

Hujah Cikgu Akmal bahawa sekolah akan menjadi sarkas kesan pelaksanaan hukuman rotan ke atas pelajar ada sedikit benarnya tetapi tidak semestinya betul. Di sini saya cuba melontarkan rasa tidak setuju saya kepada hujahnya. Jika beliau boleh tidak setuju kepada cadangan Kementerian Pendidikan, adalah tidak salah rasanya saya tidak bersetuju dengan cadangan beliau.

Selaras saranan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mahukan langkah lebih tegas diambil dalam menangani isu disiplin pelajar, Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Abdul Rafie Mahat mencadangkan supaya semua guru diberi kuasa disiplin, termasuk merotan pelajar.

Malah, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika menjawat jawatan Menteri Pendidikan juga pernah berkata bahawa semua guru adalah guru disiplin.

Memang benar sekolah adalah institusi di mana pelajar diajar berfikir, tetapi sekolah jugalah tempat pelajar mempraktikkan pemikirannya, bersosial, bergaul dan bermasyarakat, belajar maksud perkataan hormat dan takut, beramal dan sebagainya. Sekolah bukan saja tempat 'buka buku dan tutup buku' malah lebih daripada itu.

Saya teringat cerita Allahyarham Prof Hamka ketika melawat sebuah universiti tempatan. Beliau bertanya dalam satu dewan kuliah: "Untuk apa kamu datang ke mari?" Maka senyap sunyi dewan itu kerana tiada jawapan kepada soalan tadi. Lalu tiba-tiba bangun seorang pelajar bertubuh kecil dan menjawab: "Kami datang untuk belajar mengenai hidup." Prof Hamka tersenyum dan berkata: "Itulah pelajar yang paling pintar dalam dewan ini." Universiti dan sekolah sama saja di mana kita belajar mengenai hidup.

Berbalik kepada dakwaan Cikgu Akmal, saya berpendapat beliau melihat isu ini dari satu perspektif saja. Isu ini saya rasa perlu dikaji daripada pelbagai sudut pandangan dan situasi. Saya juga percaya Kementerian Pendidikan mempunyai satu 'pasukan petugas' untuk menyelidiki perkara ini.

Memang benar jika seorang guru asyik merotan, tentulah ia melahirkan rasa gerun di kalangan pelajar. Sebab itu saya rasa kita perlu lihat situasinya dulu. Kita juga tidak menolak akan wujud kecenderungan menyalahguna kuasa merotan dan mungkin mewujudkan budaya bisu seperti dakwaan cikgu Akmal.

Seperti yang kita tahu, daripada beratus ribu guru yang bertugas bukan semuanya guru cemerlang atau terbaik. Kalau sudah namanya manusia, melakukan kesilapan itu adalah sifatnya. Kerana kesilapan sebilangan kecil mereka inilah, guru lain yang benar-benar berkhidmat turut mengalami pelbagai tohmahan.

Kita lihat pula contoh kes sekumpulan pelajar yang membawa pisau untuk memeras ugut rakan sekolahnya. Adakah guru hanya perlu menegur secara lembut? Jika guru sekadar menegur, pelajar yang melakukan kesalahan itu

pasti ketawa berdekeh-dekeh tanpa rasa takut atau hormat kepada guru berkenaan.

Pada pendapat saya, konsep yang diketengahkan Kementerian Pendidikan iaitu hukuman sebat terutama di khalayak pelajar adalah bagi kesalahan yang telah ditentukan tahap kesalahannya dan telah dibincangkan terlebih dulu di kalangan warga guru.

Setiap sekolah mempunyai seorang guru disiplin. Mampukah guru disiplin berkenaan melayan kerenah lebih 1,000 orang pelajar sekolahnya. Pelajar pula datang dari pelbagai latar belakang, motivasi, pendapat dan kehendak. Jika semua pelajar mempunyai kualiti yang sama, tentulah kerjaya guru menjadi mudah.

Oleh itu, guru disiplin perlu dibantu iaitu dengan turut memberi kuasa merotan kepada guru lain. Guru disiplin selain menangani masalah disiplin pelajar, turut menjalankan tugas rutin guru yang lain.

Saya berpendapat pelajar yang melakukan kesalahan serius wajar didenda walaupun pelajar itu menaikkan nama sekolah dalam bidang lain contohnya sukan. Kejayaan itu bukan lesen itu pelajar melakukan kesalahan. Yang bersalah tetap menerima hukumannya.

Guru membawa rotan ke kelas untuk menakutkan pelajar yang nakal bukan pelajar yang baik. Pelajar yang baik tidak perlu ditakutkan kerana mereka telah sedia baik. Jika pelajar nakal tidak didenda, takut nanti mereka akan menindas dan mempengaruhi pelajar yang baik.

Selain itu, guru yang memegang rotan tidak semestinya merotan. Seperti polis membawa pistol tidak semestinya menembak. Polis hanya menembak orang yang wajar ditembak. Begitu juga guru hanya merotan kepada pelajar yang wajar dirotan. Bukan hanya seorang pelajar membuat kesalahan maka satu kelas dirotan.

Saya juga berpendapat, sindrom bisu seperti dakwaan Cikgu Akmal bukan salah rotan atau pelajar tetapi salah guru itu sendiri memilih dalam pedagogi pengajaran. Setiap guru wajib mempunyai kemahiran komunikasi yang cemerlang.

Dalam buku 'Kemahiran Interpersonal Untuk Guru' tulisan Abdullah Hassan & Ainon Mohd, ia mengajar pelbagai kemahiran interpersonal seperti komunikasi, kemahiran mendengar, kemahiran bertanya, berucap, maklum balas, unsur bahasa, mengubah sikap dan tingkah laku, penampilan dan komunikasi bukan lisan.

Sebagai contoh seorang pelajar yang murung tidak dapat menjawab soalan mudah gurunya. Bila diselidiki rupanya pelajar itu sangat lapar kerana belum sarapan pagi. Jika seorang guru tiada kemahiran interpersonal, tentu pelajar tadi sudah didenda. Guru bukan saja perlu ada rasa simpati, tetapi lebih penting rasa empati.

Itulah antara kemahiran yang mesti ada pada setiap guru barulah boleh menjadi guru cemerlang. Kejayaan seorang guru diukur masyarakat dengan kejayaan anak didiknya.

Masalah disiplin pelajar tidak semestinya bermula di sekolah, tetapi juga di rumah. Bukan semua ibu bapa pandai mendidik anak mereka. Tetapi apabila anak dirotan, mereka cepat melenting dan melatah untuk membalas dendam pada guru, mengambil tindakan saman dan pelbagai lagi tindakan tidak wajar. Oleh itu, saya mencadangkan kepada Kementerian Pendidikan bersama-sama dengan persatuan ibu bapa dan guru (PIBG) supaya sering menganjurkan kursus keibubapaan di sekolah supaya ibu bapa dapat didedahkan dengan pengetahuan mendidik anak.

Selain merapatkan hubungan ibu bapa dan sekolah, ibu bapa juga akan memperoleh pengetahuan terkini mengenai keibubapaan. Bukan pelajar saja perlu dididik, tetapi juga ibu bapa kerana mereka juga adalah manusia yang tidak terlepas daripada melakukan kesilapan.

Hanya dengan ilmu pendidikan saja pelajar, ibu bapa, masyarakat dan

negara dapat dibentuk. Negara tidak berjaya tetapi yang berjaya ialah manusia. Menurut falsafah pendidikan negara, pendidikan adalah satu proses yang berterusan iaitu tiada noktah.

Kesimpulannya, saya amat bersetuju dengan cadangan Kementerian Pendidikan supaya kuasa merotan diberi kepada semua guru kerana tindakan ini terbukti berkesan seperti berlaku di Jepun, China dan Taiwan.

Bakal Guru KPLI  
Semenyih, Selangor